



Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan



Faiqah binti Mohd Sokris

Sarjana Sains dalam Pembangunan Sumber Manusia

2024

**KERANGKA GARIS PANDUAN DALAM PROSES PEMBANGUNAN PRODUK
PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA**

FAIQAH BINTI MOHD SOKRIS

**Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi syarat-syarat untuk memperolehi
Ijazah Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia**



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

2024

DEDIKASI

Kepada suami tercinta, bonda, ayahanda dan anak-anakku sayang.



اوپیوڑ سیٽی تکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

ABSTRAK

Produk-produk dan perkhidmatan kewangan Islam dilihat sebagai satu potensi besar dalam sektor kewangan dan memainkan peranan yang penting dalam memacu ekonomi Malaysia. Sehingga akhir tahun 2018, jumlah aset sistem perbankan Islam mencatat sebanyak RM916,711.3 juta ataupun 31.4 peratus daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan negara. Dengan perkembangan semasa industri kewangan Islam yang semakin pesat, institusi perbankan telah menawarkan pelbagai produk perbankan Islam yang dibangunkan tanpa ada satu garis panduan yang standard berkaitan dengan pendekatan yang diaplikasi dalam kebanyakan pembangunan produk untuk digunakan oleh semua institusi perbankan. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pendekatan yang diguna pakai dalam membangunkan produk perbankan Islam. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk menganalisis kaedah pelaksanaan yang dilakukan dalam proses pembangunan produk perbankan Islam. Akhir sekali, kajian ini bertujuan untuk menghasilkan kerangka garis panduan pembangunan produk perbankan Islam. Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Kajian ini menggunakan teknik temu bual separa berstruktur ke atas tiga orang pegawai syariah dan lima orang ahli jawatankuasa syariah institusi perbankan Islam di Malaysia. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian NVivo 12 bagi mengenal pasti tema dan sub-sub tema. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan yang telah diaplikasi dalam produk perbankan Islam ialah dengan menggunakan *al-hilah al-Syar'iyyah*. Pendekatan ini telah diguna pakai dalam penghasilan produk perbankan Islam bagi memenuhi beberapa keperluan tertentu seperti keperluan institusi perbankan, syariah dan pengawal selia. Analisis dapatan seterusnya juga mendapati bahawa keperluan-keperluan tersebut merupakan elemen penting dalam penstrukturran produk perbankan Islam yang patuh syariah. Kajian ini mengenal pasti faktor tersebut merupakan sebahagian daripada kaedah pelaksanaan proses pembangunan produk. Terdapat tiga peringkat dalam proses pembangunan produk perbankan Islam iaitu pengkonseptualan produk, pembangunan produk, dan pengkomersialan produk. Setelah itu, satu kerangka garis panduan telah dihasilkan untuk dijadikan panduan kepada pengawal selia dalam menekankan elemen-elemen penting yang perlu dikuasai oleh pengamal institusi perbankan Islam dalam melestarikan kepakaran mereka. Namun begitu, oleh kerana kajian ini hanya dilakukan dalam kalangan pegawai syariah dan ahli jawatankuasa syariah institusi perbankan Islam di Malaysia dan terhad kepada pendekatan *al-hilah al-Syar'iyyah* dalam perbankan Islam, kajian melibatkan responden yang lain atau kajian terhadap pendekatan *al-hilah al-Syar'iyyah* dalam konteks yang lebih besar dan terperinci dicadangkan sebagai kajian lanjutan.

**GUIDELINE FRAMEWORK ON THE ISLAMIC BANKING PRODUCT
DEVELOPMENT PROCESS IN MALAYSIA**

ABSTRACT


The Islamic products and financial services are seen as having a huge potential in the financial sector and play a vital role in spurring the economy of Malaysia. Until the end of 2018, the accumulation of Islamic banking assets reached RM 916, 711.3 million, which is 31.4 percent of the total assets of the entire national banking system. With the rapid current developments of Islamic finance, banking institutions have offered various products of Islamic banking, which are generated without any standard guidelines in relation to the approach applied in most developments of Islamic products that can be adopted by every banking institution. Hence, this research is conducted to identify the approach adopted in the development of Islamic banking products. In addition, this research is carried out to analyse the methods of implementation used in the process of developing Islamic banking products. Finally, this research is aimed at developing a framework of guidelines on the Islamic banking product development. This research is a case study that uses a qualitative approach. The methodology of this research includes semi-structured interview techniques on three Shariah officers and five members of the Shariah committee of Islamic banking institutions in Malaysia. The analysis of the research data is conducted by employing the NVivo 12 software in an effort to identify the theme and sub-themes. The research results report al-hilah al-Syar'iyyah as the approach applied in the Islamic banking products. This approach has been employed in the manufacture of Islamic banking products in order to meet several requirements, such as the requirements of banking institutions, Shariah and regulators. The analysis of the following findings also reveals that said requirements are important elements in structuring Shariah-compliant Islamic banking products. This research identifies this factor as part of the implementation methods in the product development process. There are three stages of the Islamic banking product development, namely the conceptualisation of products, the development of products and the commercialisation of products. Subsequently, a framework of guidelines has been developed to be used as guidance for regulators in emphasising the crucial elements that ought to be mastered by the practitioners of Islamic banking institutions in an effort to preserve their expertise. Nevertheless, since this research is only carried out amongst Shariah officers and members of the Shariah committee of the Islamic banking institutions in Malaysia besides being limited to the al-hilah al-Syar'iyyah approach in Islamic banking, a research that includes other respondents or a research on the al-hilah al-Syar'iyyah approach in a wider context and detail is suggested as an extensive research.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T yang telah memberikan saya kesihatan, kekuatan minda dan ketabahan dalam menyiapkan penulisan tesis ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Ab Rahim bin Ibrahim dan Prof. Madya Dr. Sazelin binti Arif, di atas kesabaran dan kesungguhan membimbang saya. Tanpa bimbingan mereka amatlah sukar bagi saya menyiapkan penulisan saya ini.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan pengajian ini terutamanya kepada sahabat-sahabat saya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia kerana sentiasa memberi motivasi, semangat, dorongan dan bantuan kepada saya.

Akhir sekali, ribuan terima kasih dan ucapan teristimewa kepada suami dan kedua ibu bapa saya yang tercinta iaitu bekanda Anwar Ibrahim bin Salimin, ayah saya Mohd Sokris bin Abd Azis dan mak saya Salbiah binti Mohd Taib serta mertua saya kerana memberi saya sokongan dan dorongan yang berterusan sepanjang tahun pengajian saya dalam melalui proses penyelidikan dan penulisan tesis ini. Pencapaian ini tidak akan mungkin berlaku tanpa mereka. Terima kasih.



SENARAI KANDUNGAN

MUKASURAT


PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
DEDIKASI	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vii
PENGHARGAAN	ix
SENARAI KANDUNGAN	xii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	
SENARAI SINGKATAN	
SENARAI PENERBITAN	
ANUGERAH	

BAB

1.	PENDAHULUAN	1
1.1	Latar Belakang	1
1.2	Pernyataan Masalah	8
1.3	Persoalan Kajian	10
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Kerangka Asas Kajian	11
1.5.1	Kerangka Kajian	12
1.5.1.1	Fasa I: Pembangunan Instrumen	12
1.5.1.2	Fasa II: Pengumpulan Data	13
1.5.1.3	Fasa III: Analisis Data	14
1.5.2	Sampel Kajian	14
1.6	Skop Kajian	14
1.7	Signifikan Kajian	15
1.8	Batasan Kajian	16
1.9	Definisi Konsep dan Istilah	18
1.9.1	Proses Pembangunan Produk	18
1.9.2	Produk Perbankan Islam	18
1.9.3	<i>Al-Hilah al-Syar'iyyah</i>	19
1.9.4	Inovasi	19
1.9.5	Kepakaran	20
1.9.6	Pengamal Perbankan Islam	20
1.10	Kesimpulan	21
2.	TINJAUAN LITERATUR	22
2.1	Sistem Kewangan Islam	22
2.1.1	Sejarah Perkembangan Kewangan Islam	25
2.1.2	Kaedah-kaedah <i>Fiqh</i> dalam Kewangan Islam	28
2.1.3	Prinsip Asas dalam Sistem Kewangan Islam	30

2.2	Sistem Perbankan Islam di Malaysia	36
2.2.1	Piawaian Pematuhan Syariah	40
2.2.2	Pembangunan Produk Perbankan Islam	46
2.2.2.1	Perkembangan Produk Perbankan Islam	46
2.2.2.2	Proses Pembangunan Produk Perbankan Islam	51
2.2.2.3	Realiti dan Amalan Semasa Perbankan Islam	55
2.3	Teori <i>al-Hilah Al-Syar'iyyah</i>	60
2.3.1	Definisi dan Jenis <i>al-Hilah al-Syar'iyyah</i>	60
2.3.2	Indikasi <i>al-Hilah al-Syar'iyyah</i>	63
2.3.3	Garis Panduan <i>al-Hilah al-Syar'iyyah</i>	64
2.3.4	Aplikasi <i>al-Hilah al-Syar'iyyah</i> dalam Islam	68
2.3.5	Aplikasi <i>al-Hilah al-Syar'iyyah</i> dalam Perbankan Islam	71
2.3.5.1	<i>Bai' 'Inah</i>	73
2.3.5.2	<i>Tawarruq</i>	75
2.3.5.3	<i>Bai' Bithaman Ajil</i>	81
2.3.5.4	<i>Musyarakah Mutanaqisah</i>	84
2.3.6	Kajian Lepas Berkenaan <i>al-Hilah Al-Syar'iyyah</i>	89
2.3.7	Isu-isu Berkaitan <i>al-Hilah Al-Syar'iyyah</i>	89
2.4	Kepakaran Pengamal Perbankan Islam	93
2.5	Kesimpulan	97
3.	METODOLOGI	98
3.1	Reka Bentuk Kajian	98
3.2	Kerangka Kajian	100
3.2.1	Fasa I: Pembangunan Instrumen	100
3.2.2	Fasa II: Pengumpulan Data	102
3.2.3	Fasa III: Analisis Data	104
3.3	Kaedah Penyelidikan	104
3.3.1	Pemilihan Responden	105
3.3.2	Pelaksanaan Temu Bual	108
3.3.3	Pemerolehan Data daripada Dokumen	112
3.4	Analisis dan Tafsiran Data	114
3.4.1	Membiasakan Diri dengan Data	115
3.4.2	Pengekodan Data	116
3.4.3	Analisis Data	119
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	120
3.6	Kesimpulan	122
4.	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	123
4.1	Latar Belakang Responden	123
4.2	Perbincangan Dapatan Data Kajian	127
4.2.1	Pengenalpastian Pendekatan Melalui Penentuan Faktor Sesuatu Pendekatan Diaplikasi	127
4.2.1.1	Keperluan Institusi Perbankan	130
4.2.1.2	Keperluan Syariah	137
4.2.1.3	Keperluan Pengawal Selia	141
4.2.2	Kaedah Pelaksanaan Proses Pembangunan Produk Perbankan	143

4.2.2.1	Pengkonseptualan Produk	145
4.2.2.2	Pembangunan Produk	146
4.2.2.3	Pengkomersialan Produk	154
4.3	Perbincangan Analisis	160
4.4	Kesimpulan	166
5.	KESIMPULAN DAN CADANGAN	167
5.1	Rumusan	167
5.1.1	Pendekatan yang Diaplikasi dalam Produk Perbankan Islam	168
5.1.2	Kaedah Pelaksanaan Proses Pembangunan Produk Perbankan Islam Berdasarkan Pendekatan <i>al-Hilah al-Syar'iyyah</i> .	171
5.1.3	Kerangka Garis Panduan Proses Pembangunan Produk Perbankan Islam	174
5.2	Implikasi Kajian	175
5.3	Sumbangan Kajian	177
5.4	Cadangan	178
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	180
5.6	Penutup	181
RUJUKAN		182
LAMPIRAN		204



اوپیزه سینی یکنیکل ملیسیا ملاکا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Kontrak syariah yang diguna pakai dalam perbankan Islam	50
2.2	Definisi-definisi <i>al-hilah</i>	61
2.3	Produk deposit dalam institusi perbankan Islam	76
3.1	Institusi perbankan Islam di Malaysia (sumber: laman web rasmi BNM)	106
3.2	Senarai pakar pengesahan inventori soalan temu bual	109
3.3	Data daripada dokumen	113
3.4	Langkah analisis data	115
3.5	Label responden	116
3.6	Pembentukan koding dan tema data	117
3.7	Analisis data	119
4.1	Demografi responden	124
4.2	Faktor utama pelaksanaan pendekatan	129
4.3	Memperolehi keuntungan	131
4.4	Entiti perniagaan	133
4.5	Memenuhi keperluan pelanggan	136
4.6	Mengelak faedah tambahan	138
4.7	Mematuhi prinsip syariah	140
4.8	Mematuhi garis panduan dan piawaian BNM	142

4.9	Elemen penting dalam pembangunan produk perbankan Islam	147
4.10	Sistem teknologi maklumat	149
4.11	Risiko	151
4.12	Kewangan dan perakaunan	152
4.13	Aspek penting dalam peringkat pengkomersialan produk	155
4.14	Tahap pengetahuan	157
4.15	Tahap kemahiran	159



اوپیزه سینی تکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Kronologi pembentukan sistem perbankan Islam di Malaysia	3
1.2	Kerangka kajian	12
2.1	Kerangka asas agama Islam	22
2.2	Prinsip asas sistem kewangan Islam	30
2.3	Logo perbankan Islam	35
2.4	Fasa perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia	37
2.5	Perkembangan piawaian syariah dalam sistem kewangan Islam	41
2.6	Faktor-faktor yang menyebabkan ketidakpatuhan syariah (Bank Negara Malaysia, 2018)	44
2.7	Pembangunan produk kewangan Islam (Islamic Financial Services Board (IFSB), Islamic Development Bank (IDB) dan Islamic Research and Training Institute (IRTI), 2010)	46
2.8	Perkembangan produk perkhidmatan dan perbankan Islam di Malaysia (Syahidawati Shahwan, Mohammad dan Rahman, 2013)	48
2.9	Produk perkhidmatan perbankan Islam (Dusuki, 2010)	48
2.10	Proses pembangunan produk (Ahmed, 2014)	52
2.11	Proses pembangunan produk (Wan Ismail, 2011)	53
2.12	Model penukaran (Dinc, 2020)	54
2.13	Model pembangunan produk baru (Dinc, 2020)	54

2.14	Struktur <i>bai’ inah</i>	73
2.15	Produk deposit berdasarkan <i>tawarruq</i>	76
2.16	Produk pembiayaan berdasarkan <i>tawarruq</i>	80
2.17	Ilustrasi kontrak pembiayaan perumahan BBA	82
2.18	Modus operandi pembiayaan perumahan berdasarkan MM (Dusuki, 2010)	86
2.19	Komponen asas kepakaran (Herling, 2000)	94
3.1	Kerangka kajian	101
3.2	Kerangka awal pembangunan produk perbankan Islam	102
3.3	Proses pengumpulan data temu bual	103
3.4	Kaedah penyelidikan	105
3.5	Pengekodan data dalam NVivo	118
4.1	Pembahagian responden mengikut kategori dan milikan	125
4.2	Faktor utama pelaksanaan pendekatan	128
4.3	Ringkasan tujuan pelaksanaan pendekatan	130
4.4	Kaedah pelaksanaan proses pembangunan produk	144
4.5	Ringkasan kaedah pelaksanaan proses pembangunan produk perbankan Islam	144
4.6	Pengkonseptualan produk	145
4.7	Pembangunan produk	146
4.8	Pengkomersialan produk	154
4.9	Kerangka garis panduan proses pembangunan produk perbankan Islam berdasarkan pendekatan <i>al-hilah al-Syar’iyyah</i>	162

SENARAI LAMPIRAN


LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Surat Pengesahan Pelajar	204
B	Surat Lantikan Sebagai Responden Kajian	205
C	Borang Persetujuan Responden Kajian	206
D	Borang Pengesahan Data Temu Bual oleh Responden Kajian	207
E	Borang Pengesahan Pakar Terhadap Tema Data Kualitatif	208
F	Surat Lantikan Pakar	210
G	Contoh Halaman Nota Lapangan	211
H	Contoh Halaman Diari Pengkaji	212
I	Inventori Protokol Temu Bual	213

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SENARAI SINGKATAN

ABI	-	Akta Bank Islam
AITAB	-	<i>Al-Ijarah Thumma Al-Bai'</i>
AJS	-	Ahli Jawatankuasa Syariah
APKI	-	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam
BAFIA	-	<i>Banking and Financial Institutional Act</i>
BBA	-	<i>Bai' Bithaman Ajil</i>
BIMB	-	Bank Islam Malaysia Berhad
BMMB	-	Bank Muamalat Malaysia Berhad
BNM	-	Bank Negara Malaysia
DP	-	Diari Pengkaji
IAIS	-	International Institute of Advanced Islamic Studies
IBFIM	-	Islamic Banking and Finance Institute Malaysia
IKI	-	Institut Kewangan Islam
INCEIF	-	International Centre for Education in Islamic Finance
ISRA	-	International Shariah Research Academy for Islamic Finance
LTH	-	Lembaga Tabung Haji
LUTH	-	Lembaga Urusan Tabung Haji
MASB	-	Malaysian Accounting Standards Board
MM	-	<i>Musyarakah Mutanaqisah</i>
MPS	-	Majlis Penasihat Syariah

- | | | |
|------|---|-----------------------------------|
| NL | - | Nota Lapangan |
| PMI | - | Pasaran Modal Islam |
| PS | - | Pegawai Syariah |
| SAW | - | <i>Sallallahu alaihi wasallam</i> |
| SPI | - | Sistem Perbankan Islam |
| SPTF | - | Skim Perbankan Tanpa Faedah |
| STMB | - | Syarikat Takaful Malaysia Berhad |
| SWT | - | <i>Subhanahu wataala</i> |



اوپیزه میتی تکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SENARAI PENERBITAN

Sokris, F. M., Ibrahim, A. R. and Arif, S., 2024. Factors Influencing Hiyal Approach In Islamic Banking Industry Malaysia. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 17 (1), pp. 88-104.




ANUGERAH

Anugerah:

2018

Silver Medal – Developing A Shariah Compliance Framework for Islamic Banking Product Development Process, Technology Management and Technopreneurship Research Day 2018 (TMTRD'18), Catalysing Human and Technology Towards Ir4.0, Melaka, 27 April 2018.



2017

Bronze Medal – Kerangka Proses Pembangunan Produk Kewangan Islam Ke Arah Memperkuatkan Industri Perbankan Islam Malaysia, Innovation Carnival UTeMEX 2017 Driving Digital & Connectivity for Smarter Innovation, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Durian Tunggal, Melaka, 14 – 16 November 2017.

BAB 1

PENDAHULUAN

Proses pembangunan produk perbankan Islam di Malaysia perlu dilihat secara menyeluruh oleh industri perbankan Islam dengan menggunakan pendekatan-pendekatan yang sesuai dan bertepatan dengan syariah Islam serta kerangka proses penghasilan produk-produk tersebut sebagaimana yang dilaksanakan oleh sebuah institusi perbankan. Pendekatan yang sesuai dan berkesan perlu dikenal pasti bagi memperkuat daya saing institusi perbankan Islam.

Pengenalan ini merupakan gambaran awal penulisan laporan untuk kajian yang akan dibincangkan ini. Bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian. Seterusnya, dalam bab ini pengkaji akan menghuraikan mengenai kerangka asas yang digunakan dalam kajian ini berserta skop dan batasan kajian. Selanjutnya, perbincangan akan menyentuh berkaitan definisi konsep dan istilah yang digunakan dalam kajian ini.


1.1 Latar Belakang

Industri kewangan Islam di Malaysia telah wujud lebih tiga dekad lalu. Industri ini berkembang dengan pesat sejak ia mula diperkenalkan dengan penubuhan Tabung Haji ataupun sebelum ini dikenali sebagai Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada tahun 1963. Institusi ini ditubuhkan bertujuan untuk membantu dan menyediakan kemudahan penyimpanan wang umat Islam di Malaysia bagi menunaikan ibadah fardu haji di tanah suci Mekah. Hasil daripada kejayaan penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) atau

sekarang dikenali sebagai Lembaga Tabung Haji (LTH), kerajaan telah menggubal undang-undang baru bagi membolehkan penubuhan institusi kewangan dan perbankan yang beroperasi berasaskan prinsip dan syariat Islam. Pewartaan Akta Bank Islam 1983 (ABI) telah menjadi asas tertubuhnya Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan menjadi bank Islam yang pertama beroperasi berlandaskan prinsip syariah di Malaysia. Rentetan daripada penubuhan Bank Islam, industri kewangan Islam mula berkembang dengan penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) atau nama ringkasnya Takaful Malaysia dan telah muncul sebagai syarikat takaful pertama yang mula bertapak di Malaysia pada tahun 1984. Dengan penubuhan BIMB dan Syarikat Takaful Malaysia Berhad, maka ia menandakan permulaan satu era baru di Malaysia bagi sesebuah bank yang beroperasi berasaskan prinsip kewangan menurut Islam (Ishak, Abdullah dan Razak, 2013; Kosmo, 2014).

Selepas hampir sedekad penubuhan bank Islam yang pertama, bank-bank konvensional dan institusi kewangan lain mula mengorak langkah dengan menawarkan produk-produk dan perkhidmatan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) kepada pelanggan masing-masing melalui jendela Islam (*Islamic windows*) hasil daripada inisiatif Bank Negara Malaysia (BNM) selaku badan pengawal selia kepada institusi kewangan dan perbankan di Malaysia pada tahun 1993. Skim Perbankan Tanpa Faedah ini kemudiannya ditukar kepada Skim Perbankan Islam (SPI) pada tahun 1998 dengan tujuan bagi mempromosikan perbankan Islam secara lebih meluas dengan membenarkan bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan yang tertakluk di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (BAFIA) untuk menawarkan perkhidmatan perbankan Islam dengan mengekalkan nama dan menggunakan pakai infrastruktur sedia ada. Selepas itu, bank Islam kedua ditubuhkan pada tahun 1999 dengan nama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Pada tahun 2003 pula, bank-bank Islam

asing mula menunjukkan minat terhadap Malaysia untuk menjalankan operasi perbankan Islam mereka. Sehingga kini, terdapat 16 buah bank Islam yang menawarkan produk-produk dan perkhidmatan perbankan Islam yang merangkumi pemilikan tempatan dan luar negara serta sebuah bank Islam antarabangsa.



Rajah 1.1: Kronologi pembentukan sistem perbankan Islam di Malaysia

Setiap bank yang menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam harus mematuhi piawaian syariah yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Bagi memastikan piawaian syariah itu dipatuhi, BNM telah menukuhkan Majlis Penasihat Syariah (MPS) yang merupakan badan berautoriti tinggi di mana kuasanya meliputi segala perkara berkaitan syariah termasuklah membuat keputusan dalam aktiviti perniagaan kewangan Islam, pembangunan produk kewangan Islam di institusi perbankan Islam, ataupun syarikat-syarikat takaful. BNM diberi mandat untuk mengawal dengan ketat segala aktiviti yang dilakukan oleh seluruh institusi kewangan Islam yang beroperasi di Malaysia termasuklah membuat penelitian dan pengesahan produk-produk yang dihasilkan oleh bank-bank tersebut. MPS perlu memastikan bahawa produk yang dihasilkan bertepatan dengan

syariah dan perundangan Islam. Di samping itu, institusi kewangan yang berlesen di bawah Skim Perbankan Islam 1998 (SPI) perlu menubuhkan satu bahagian perbankan Islam di ibu pejabat dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) telah mewajibkan semua institusi kewangan Islam untuk menubuhkan satu jawatankuasa syariah pada peringkat institusi bagi memastikan segala produk, aktiviti dan transaksi perniagaan institusi mematuhi kehendak syariah.

Produk-produk perbankan dan perkhidmatan kewangan Islam dilihat sebagai satu potensi besar dalam sektor kewangan dan memainkan peranan yang penting dalam memacu ekonomi Malaysia. Sehingga akhir tahun 2018, jumlah aset sistem perbankan Islam mencatat sebanyak RM916,711.3 juta ataupun 31.4 peratus daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan negara. Manakala jumlah pembiayaan sistem perbankan Islam terus berkembang kepada RM668,747.8 juta iaitu 36.6 peratus daripada jumlah pinjaman dan pembiayaan seluruh sistem perbankan berbanding 34.9 peratus pada tahun sebelumnya. Jumlah deposit dan akaun pelaburan sistem perbankan Islam pula merekodkan peningkatan sebanyak 1.1 peratus daripada tahun sebelumnya iaitu kepada 34.9 peratus daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan (Bank Negara Malaysia, 2018).

Produk perbankan Islam juga menjadi satu alternatif yang dinamik dan mempunyai nilai tawaran yang tersendiri berbanding produk konvensional. Hal ini dikatakan demikian kerana produk perbankan Islam dilihat mampu kekal berdaya tahan dalam keadaan ekonomi dan kewangan yang mencabar (Mohamad, Borhan dan Mohamad, 2012). Selain itu, produk perbankan Islam juga menawarkan nilai pulangan wang yang menguntungkan dan pengurusan risiko yang lebih terjamin berbanding produk konvensional seperti deposit tetap. Antara elemen yang menjadi tunjang produk perbankan Islam adalah, ia mempunyai unsur kepastian dalam produk dan perkhidmatan dengan menetapkan satu jumlah bayaran akhir yang muktamad dalam urus niaga pembiayaan yang ditawarkan bagi menghadapi situasi

kadar faedah yang tidak menentu untuk jangka masa panjang. Perbankan Islam juga menekankan aspek keadilan dalam keseluruhan rangkaian produk yang ditawarkan kepada pelanggan dan ini telah menarik minat sebahagian besar masyarakat sama ada yang beragama Islam mahupun yang bukan beragama Islam untuk menggunakan perkhidmatan perbankan Islam.

Pengamalan sistem dwiperbankan di Malaysia menjadi pendorong utama kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pada peringkat awal sistem perbankan Islam diasaskan, produk perbankan Islam hanya memberi tumpuan kepada produk asas sahaja seperti akaun simpanan yang menggunakan akad *wadiyah*, produk pembiayaan yang menggunakan akad *ijarah* dan produk pelaburan yang menggunakan akad *mudarabah*. Produk asas ini ditawarkan bagi menyediakan alternatif untuk umat Islam beralih kepada produk perbankan Islam daripada produk konvensional yang berteraskan riba seperti pinjaman peribadi, kad kredit dan deposit tetap yang telah lama berada di Malaysia. Kini, produk yang dihasilkan telah berkembang menjadi lebih kompleks dan sofistikated seperti pembiayaan peribadi dan kad kredit yang menggunakan akad *tawarruq* ataupun pembiayaan perumahan berasaskan prinsip *musyarakah mutanaqisah* bagi memenuhi keperluan pelanggan yang semakin meningkat dan pelbagai. Produk perbankan Islam juga perlu sentiasa inovatif dan kekal berdaya saing dalam menghadapi situasi ekonomi yang semakin mencabar.

Menurut Bank Negara Malaysia (2010), usaha penyelidikan dan pembangunan produk kewangan Islam perlu dilakukan untuk memenuhi keperluan ekonomi semasa. Institusi kewangan Islam telah mengambil inisiatif untuk menghimpunkan beberapa kontrak syariah dalam sesuatu produk ataupun dikenali sebagai produk hibrid dan menjadi inovasi baru produk perbankan Islam. Namun begitu, inovasi yang terlalu kompleks dan tidak

terkawal boleh menyebabkan ketidakstabilan institusi perbankan lalu memberikan impak negatif kepada sistem kewangan Islam di Malaysia.

Sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa dan industri yang sedang rancak membangun, institusi perbankan Islam di Malaysia sentiasa menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran untuk menyesuaikan antara permintaan pelanggan dan juga melindungi kepentingan institusi. Institusi perbankan Islam juga tidak lekang dengan isu dan masalah yang timbul dalam pembangunan produk terutamanya apabila nilai-nilai dan prinsip asas syariah perlu seimbang dengan keperluan bank. Pengamal perbankan Islam telah menggunakan pelbagai struktur akad seperti *musharakah* (perkongsian) dan *murabahah* (kos barang dicampur dengan keuntungan) bagi mengelakkan pengambilan faedah yang tidak dibenarkan dalam Islam. Mereka juga perlu menyelesaikan segala isu dan permasalahan syariah yang berlaku bagi mengelakkan berlakunya pengamalan riba, ketidakpastian atau elemen lain yang diharamkan oleh Islam dalam produk yang dibangunkan.

Sesuatu pendekatan telah digunakan sebagai panduan jalan keluar dan menyelesaikan sesuatu perkara daripada perkara yang haram. Antara pendekatan yang telah dilaksanakan adalah dengan membuat penambahan dalam kontrak asal berbentuk akad tambahan ataupun syarat lain yang tidak diperlukan oleh pihak yang berkontrak. Tambahan akad atau syarat lain berbentuk pembelian barang itu dijadikan sebagai sokongan kepada kontrak utama. Contoh aplikasi elemen tersebut dalam perbankan Islam ialah pembiayaan peribadi yang menggunakan akad *tawarruq*. Akad *tawarruq* memerlukan bank dan pelanggan menjalankan aktiviti jual beli komoditi seperti besi yang tidak diperlukan oleh pelanggan tersebut. Hukum syariah menetapkan semua urus niaga kewangan mesti berlandaskan aset bagi mewajarkan keuntungan yang diperolehi. Aset tersebut juga perlu dikenal pasti terlebih dahulu bagi mengelakkan unsur ketidakpastian (*gharar*) dalam urus niaga yang dijalankan.